

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD NAZLAN BIN
IDRIS [JERANTUT]**

NO. SOALAN : 435

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkasakan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) agar dapat mentadbir kampung dengan lebih efisien terutamanya perkara-perkara berkaitan perkhidmatan dan penyelenggaraan bangunan-bangunan awam seperti balai raya dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang-Dipertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah amat komited dalam melahirkan JKKK dan JKKKP sebagai agen pembangunan yang berkesan di peringkat akar umbi selaras dengan aspirasi *Transformasi KKLW : "Membandarkan Luar Bandar"* .

Bermula tahun 2017, Kementerian ini akan menggerakkan penglibatan aktif JKKK dan JKKKP selaku jentera Kerajaan di peringkat akar umbi bagi program-program seperti berikut :

- i. membantu KKLW dalam memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan kampung yang diluluskan oleh KKLW seperti Projek Jalan Kampung, Bekalan Air / Letrik Luar Bandar, Ameniti Sosial dan sebagainya.
- ii. mewujudkan Pusat Pembelajaran Bergerak (*Mobile Learning Center*) untuk

memberi kemudahan kepada masyarakat desa termasuk JKJK dan JKJKP mengikuti pelbagai kursus bagi memperkukuhkan keupayaan selaku *frontliner* di peringkat akar umbi. Pusat Pembelajaran Bergerak ini juga berfungsi sebagai medium penyebaran maklumat yang lebih tepat mengenai program dan dasar Kerajaan khususnya berkaitan pembangunan luar bandar. Kaedah ini dapat membuka ruang yang lebih luas untuk pemimpin luar bandar mendapat akses kepada maklumat-maklumat terkini berkaitan kerajaan, pembelajaran yang berkaitan bidang kepimpinan desa serta latihan bukan formal.; dan

- iii. Bagi Tahun 2017, KKLW telah merancang 115 siri kursus / latihan kepimpinan dan keusahawanan yang akan membabitkan penyertaan 14,260 orang terdiri daripada JKJK/JKJKP, golongan belia, wanita dan ahli komuniti di seluruh negara. Ia bagi membolehkan masyarakat desa mengambil peluang daripada arus

pembangunan yang sedang pesat berkembang di kawasan luar bandar.